

Kepentingan urus bencana alam dengan cekap

TRAGEDI terbaru bencana tanah runtuh di Taman Bukit Mewah di Hulu Klang membawa pengajaran bahawa pengurusan bencana perlu dikendalikan dengan cekap sekali. Kesan buruk bencana seperti tsunami di Aceh, taufan Katrina dan banjir di negara ini mungkin boleh dijadikan satu ingatan kepada negara untuk sentiasa mempertingkatkan organisasi pengurusan bencana.

Memurus bencana adalah tanggungjawab semua pihak. Lantaran itu, persiapan pengurusan bencana perlu dimantapkan daripada pelbagai aspek yang ada. Ini kerana bencana boleh datang dalam pelbagai rupa dan tanpa mengira masa. Pengurusan bencana pula mesti bermula sejak tahap awal lagi.

Ini adalah juga untuk mengelak kesan negatif yang akan timbul berikutan tercesutnya bencana. Banyak faedah yang boleh diperolehi apabila rakyat sentiasa bersiap bersedia dengan kemahiran, pengetahuan dan latihan amali menghadapi bencana.

Persiapan pengurusan bencana seperti langkah yang perlu diambil ketika bencana di samping membina-

kan isu berkaitan dengan bencana seperti kesihatan persekitaran, sistem perparitan, banjir, kebakaran dan tanah runtuh adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam mengurus bencana.

Natijahnya, bencana yang datang dalam apa juga bentuk boleh mendatangkan kesan fizikal, mental dan emosi kepada mangsa dan individu lain.

Kesan seperti kehilangan nyawa orang yang tersayang dan harta benda adalah peristiwa kehidupan perit untuk dilalui. Bencana memberi kesan ke atas fizikal dan psikososial mangsa.

Kesan lain kerana bencana ialah seperti jangka masa untuk pemulihan kembali kesan bencana dan kekhawatiran peribadi bahawa bencana mungkin akan terjadi lagi. Selain itu, mangsa juga perlu memikirkan mengenai pemindahan ke lokasi baru, pembinaan kembali rumah dan infrastruktur; rawatan kerana sakit atau ahli keluarga yang cedera.

Tugas mengurus bencana adalah tanggungjawab semua pihak. Institusi seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi boleh memainkan peranan dalam pengurusan

bencana alam. Di institusi pengajian tinggi yang menawarkan program kerja sosial dan kaunseling, ia boleh memikirkan secara serius untuk menubuhkan pasukan yang sentiasa bersedia untuk membantu pada kecemasan apabila bencana melanda.

Pembentukan pasukan ini perlu dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan juga amali yang membabitkan pengurusan bencana. Di sekolah pula, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu berkaitan bencana dan juga bagaimana mengurus diri jika berlaku bencana alam.

Negara perlu berterima kasih atas kegigihan pasukan mencari dan menyelamatkan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (Smart) dan pihak hospital yang terbabit dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa tragedi berkenaan.

DR SAPORA SIPON,
*Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM).*